



09 JUN, 2024

Kastam tegas tak lindung pegawai terbabit jenayah

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam tegas tak lindung pegawai terbabit jenayah

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) maklum mengenai penahanan tiga pegawai yang disyaki terbabit dalam sindiket penyeludupan barangan import terbesar membabitkan ketirisan cukai lebih RM3.5 bilion kepada negara.

JKDM menerusi satu kenyataan semalam memaklumkan, pihaknya akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan lanjut.

“Pendirian JDKM adalah jelas dan tegas dengan tidak akan berkompromi atau melindungi mana-mana pegawai dan anggota yang terbabit salah laku serta pelanggaran integriti termasuk jenayah rasuah.

“Sebarang tindakan ke atas pegawai dan anggota yang terbabit hanya boleh ditentukan berdasarkan hasil daripada keputusan siasatan SPRM kelak,” kata kenyataan itu semalam.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan tujuh individu termasuk tiga pegawai agensi penguat kuasa ditahan SPRM selepas disyaki ada kaitan dengan sindiket penyeludupan barangan import terbesar membabitkan ketirisan cukai sekitar RM3.5 bilion kepada negara sejak 10 tahun lalu.



09 JUN, 2024

Kastam tegas tak lindung pegawai terbabit jenayah

Metro Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Ja b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) maklum mengenai penahanan tiga pegawainya yang disyaki terbabit dalam sindiket penyeludupan barangan import terbesar membabitkan

ketirisan cukai lebih RM3.5 bilion kepada negara. JKDM menerusi satu kenyataan semalam memaklumkan, pihaknya akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menjalankan siasatan lanjut .